



SIARAN MEDIA

107 SJKT SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR SERTA KARNIVAL KEMPEN INTERNET SELAMAT

SHAH ALAM, 11 September 2025 – Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching hadir dan beramah mesra dengan para peserta dan pengunjung Karnival Kempen Internet Selamat (KIS) anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan sokongan serta kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Persatuan Guru Besar Tamil Malaysia di sini hari ini.

Sebanyak 107 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor hari ini telah mengambil bahagian dalam karnival KIS yang dilaksanakan sebagai pendekatan strategik oleh MCMC dalam menjangkau lebih banyak sekolah bagi memastikan tiada sekolah yang terpinggir dalam program KIS.

Selain itu, karnival ini juga bermatlamat memberi kesedaran kepada para pelajar sekolah mengenai kepentingan untuk melindungi diri dalam talian, pemahaman terhadap risiko di alam siber serta galakan membudayakan penggunaan Internet yang bijak dan bertanggungjawab.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pengisian Karnival ini antaranya persembahan Koir KIS terdiri daripada pelajar sekolah terlibat, persembahan kebudayaan bersempena dengan Hari Malaysia serta pameran di reruai daripada rakan strategik MCMC seperti Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Selangor. Bagi mengukuhkan pemahaman peserta, pelbagai permainan interaktif juga disediakan sepanjang karnival ini berlangsung yang berteraskan digital dan keselamatan siber.

Pada karnival ini juga, seramai 214 Ikon Kapten Keselamatan Dalam Talian (Kapten K-DAT) daripada sekolah-sekolah terlibat turut dilantik yang akan berperanan sebagai duta di sekolah masing-masing untuk meneruskan penyampaian mesej keselamatan siber dan amalan penggunaan Internet yang selamat.

Sehingga 1 September 2025 yang lalu, sebanyak 1,928 sekolah telah mengikuti modul KIS di seluruh negara dengan 144 buah sekolah adalah dari Selangor dan 76 dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, 11 buah sekolah melibatkan SJKT dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

**Dikeluarkan oleh:
Komunikasi Korporat MCMC**